



BH
13/6/2015
MLS 32

DBP martabakat bahasa kebangsaan dalam sektor perbankan

Laksana pelbagai strategi latih pegawai, kakitangan tingkat penggunaan bahasa Melayu dengan lebih baik

Profesor Dr Zaharani Ahmad

BH: Bahasa Melayu nampaknya belum dimartabatkan sepenuhnya dalam sektor kewangan. Apa yang Profesor boleh katakan mengenai situasi ini?

Dr Zaharani: Secara umumnya sektor kewangan banyak menggunakan bahasa Inggeris, tetapi dalam konteks menyahut seruan DBP dan menyokong Bulan Bahasa Kebangsaan (BBK) kita nampak pembabitin mereka. Jika kita lihat kepada strategi 1 DBP iaitu perluasan dan peningkatan penggunaan bahasa Melayu dalam kalangan sektor awam, kita tak ada masalah berhubung perkara ini. Apa pun kita harapkan ada kesedaran dalam kakitangan sektor swasta terhadap penggunaan bahasa Melayu dan kita percaya apabila ini berlaku, bila berhubung dengan masyarakat mereka akan menggunakan bahasa Melayu dengan baik dan betul.

Memperkatakan mengenai bahasa kebangsaan dalam sektor kewangan, ia adalah antara isu yang mendapat perhatian banyak pihak kerana dikatakan tahap penggunaan yang dilihat masih kurang walaupun pelbagai kempen dan galakkan dilakukan terutama dalam kalangan sektor swasta. Apakah penyebab kepada perkara ini dan apakah usaha Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) sebagai agensi penganjuran Bahasa Melayu untuk memperkasakan perkara ini. War-tawan BH, Azran Jaffar, menemubual Timbalan Ketua Pengarah (Dasar) DBP, Profesor Dr Zaharani Ahmad untuk membincangkan semangat sektor kewangan terhadap bahasa kebangsaan dan sudah sampai tahap mana keberkesannya.

kita beri teguran. Kita juga adakah program seperti pidato, baca puisi supaya semangat menggunakan bahasa Melayu itu ada yang kemudiannya akan beransur-ansur menggunakan bahasa Melayu dengan baik dan betul.

Kita juga melihat program pidato yang dianjurkan DBP bersama Bank Negara Malaysia (BNM) yang berlangsung dari 9 hingga 11 Jun dapat memasyarakatkan, menyebarkan luas, membudayakan dan menyemarakkan penggunaan bahasa Melayu terutama dalam kalangan kakitangan BNM sendiri dan institusi kewangan. Selepas beberapa tahun dianjurkan kita melihat pem-

Justeru kita lihat, bila dah menang mereka ada semangat dan seterusnya mungkin terfikir menggunakan bahasa Melayu dalam borang dan dokumen perbankan. Inilah membantu kita dalam mengembangkan bahasa Melayu di institusi kewangan.

BH: Bagaimanapun, kalau setakat kakitangan tidak ada masalah tetapi dengan pelanggan misalnya, begitu juga dengan dokumen yang masih banyak dalam bahasa Inggeris. Bagaimana kita nak kurangkan perkara ini sebelum mereka dapat menggunakan bahasa Melayu sepenuhnya?

dan peranan DBP. Apabila mereka ber-setuju barulah kita audit. Kita perlu beri masa untuk mereka bersedia. Kita juga audit Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Bagaimanapun dengan sektor swasta belum lagi walaupun cadangan sudah ada. Jabatan Pengembangan Bahasa DBP masih dalam peringkat membuat hubungan dengan sektor swasta terhadap usaha ini.

BH: Dalam soal kontrak dan perjanjian misalnya, ada yang merungut kerana ia banyak dalam bahasa Inggeris membuatkan pelanggan tidak faham. Apakah peranan DBP dalam perkara ini?

Dr Zaharani: Perkara ini sudah lama DBP perjuangkan. Bagaimanapun, jika kita lihat surat perjanjian, ia adalah dalam bentuk format yang standard, tetapi usaha penterjemahan itu yang tidak dibuat. Gesaan dan desakan sudah dibuat supaya pelanggan dapat faham. Ini yang tidak dilakukan. Mereka tak mahu usaha lebih sikit. Jika dilihat usaha terjemahan ini sekali saja, contoh perjanjian perumahan, tetapi tidak ada usaha ke arah itu. Nak paksa kita tak ada kuasa, kita cuma boleh mengingatkan, menasihati dan memujuk.



AZRAN JAFFAR

azran@bh.com.my

Mengenai strategi ini, ia merangkumi pelbagai aktiviti seperti penataran bahasa dan bengkel yang dihadiri pegawai sektor awam dan swasta yang mana kita mengajar bagaimana menulis memo menggunakan bahasa Melayu yang baik, apa kesalahan bahasa dilakukan dalam surat menyurat. Kita juga ada pemupukan bahasa dan pemantauan yang mana kalau ada kesilapan

DBP melaksanakan pelbagai inisiatif memartabatkan penggunaan bahasa Melayu dalam urusan perbankan.

Dr Zaharani: Bila ada kesedaran dalam kakitangan ia akan beransur-ansur menuju ke arah itu. Kita tak boleh nak lakukan sekaligus. Jadi bila mereka dah fasih, kita harapkan selepas itu segala dokumen, perjanjian atau borang dikeluarkan institusi kewangan haruslah menggunakan bahasa Melayu. Ini kita anggap akan berlaku pada peringkat seterusnya. Kalau nak terus tukar borang tapi tak ada kesedaran, tak boleh juga. Perlahan-perlahan.

Sektor kewangan adalah antara agensi yang kita audit yang mana juruaudit DBP akan masuk dan melihat dokumen rasmi mereka seperti surat menyurat, memo, segala urusan dalaman, bagi melihat sama ada mereka menggunakan bahasa Melayu atau tidak. Bagaimanapun, sektor ini belum ada yang sampai ke tahap lima (dari segi pemarkahan yang mana dari satu hingga lima, dengan lima yang terbaik), tetapi dari segi penggunaan sudah ada dan kita cuba perkasakan.

BH: Adakah markah itu memberi kesan?
Dr Zaharani: Sememangnya, kerana ia dilaporkan dalam mesyuarat induk Bulan Bahasa Kebangsaan yang dipengerusikan Timbalan Perdana Menteri. Katakan kalau sektor kewangan dapat markah rendah ia memberi kesan, tambahan pula audit yang dibuat adalah laporan rasmi bertulis. Selalunya sebelum audit, Ketua Pengarah DBP akan melakukan ziarah bahasa dengan melawat kementerian atau agensi berkaitan, menerangkan dasar kerajaan

BH: Bagi sektor swasta misalnya, mereka tak hendak guna kerana tak ada istilah atau apa?

Dr Zaharani: Kita sudah ada kira-kira sejuta istilah dalam semua sektor. Dari segi ini tidak ada masalah. Kita ada semua itu. Apa yang kita lihat adalah sikap kerana tidak ada penguatkuasaan. DBP hanya bertindak menegur. Kita misalnya, tak kenakan penalti. Langkah kita adalah berdakwah yang mana bila kita-pantau, audit, kita minta mereka menggunakan bahasa Melayu. Kalau pegawai mereka tidak mahir bahasa Melayu, kita minta mereka hadir kursus. Kita bantu dari segi itu.

Dalam PBT misalnya, untuk papan iklan perlu diluluskan DBP. Apa yang kita kata sebagai pengesahan iklan yang mesti disahkan DBP. Tetapi masalahnya orang yang gantung papan iklan itu tak dapat keberanian. PBT kata mereka sudah ronda, tetapi hari ini diturunkan esok naik balik. Ini bermakna penguatkuasaan ada tetapi ada yang tak hiraukan. DBP tak boleh nak kenakan denda atau tangkap. Bagaimanapun setakat ini kita nampak PBT sudah mula tegas.

Kita sebenarnya bukan antibahasa Inggeris. Borang yang ada di bank misalnya, kalau ada nama di atas *name*, kita tak ada masalah. Kita faham bahasa Inggeris bahasa antarabangsa. Apa yang penting bahasa Melayu wajib ada, tetapi diletakkan di atas, tak ada masalah. Begitu juga nombor akaun dengan *account number*, kita tak tegur kerana pada kita itu dah cukup baik. Bagaimanapun bila tak ada perkara se-



begini, pengguna ke bank dan tak nampak, mereka buat aduan ke DBP.

Disebabkan itu dalam hal sebegini kita babitkan BNM, pergi ke pucuk tertinggi. Bila ada arahan daripada BNM mereka akan dengar. Jadi di situ ada hubungan, kita tak nak terjah saja. Dalam soal istilah kita buat dengan pengamal. Biar orang bank, misalnya yang cadangkan. Perkataan *account* contohnya, kita pakai akaun. Kenapa nak cipta istilah lain yang pelik, yang orang tak pakai. Tak perlu DBP mencipta istilah bagi pihak bank, mereka yang perlu cadangkan. Kita boleh jemput ahli akademik, tetapi mereka bukan pengamal.

BH: Kalau kita lihat GST misalnya, ia adalah dalam bahasa Inggeris. DBP tak terbabit bila Kementerian Kewangan nak gunakan akronim ini?

Dr Zaharani: Pertama, kita tidak dirujuk. Kedua, bila perkara sudah mantap susah untuk diubah. Contoh ICT, kita ada TMK dalam bahasa Melayu, tetapi apabila ia sudah digunakan sepenuhnya kita nak masuk jadi susah... orang dah selesa dengan ICT. Bila kita buat TMK ia kurang laku. Tetapi usaha kita buat. Begitu juga macam tagline IM4U, susah juga kita nak potong tengah jalan. Bagaimanapun, kita lihat perkara ini sudah menjadi semacam satu istilah, satu konsep. Kita tak hendaklah, semua buat semua salah. Kita tak ambil pendekatan sebegini. Oleh kerana orang sudah guna benda sudah berlaku, nak betulkan ambil masa sedikit.

Bagaimanapun, contohnya PICC (Putrajaya International Convention Centre) sekarang dikenali sebagai Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya. Ambil masa bertahun juga untuk kita minta ia ditukar. Ini menunjukkan usaha itu kita buat, perlahan-lahan, akhirnya berjaya. Terbaru, contohnya kita sedang berkompromi dengan pemaju Bangsar South. Dari segi bahasa

“Perkara ini sudah lama DBP perjuangkan. Bagaimanapun, jika kita lihat surat perjanjian, ia adalah dalam bentuk format yang standard, tetapi usaha penterjemahan itu yang tidak dibuat. Gesaan dan desakan sudah dibuat supaya pelanggan dapat faham. Ini yang tidak dilakukan. Mereka tak mahu usaha lebih sikit. Jika dilihat usaha terjemahan ini sekali saja, contoh perjanjian perumahan, tetapi tidak ada usaha ke arah itu. Nak paksa kita tak ada kuasa. Kita cuma boleh mengingatkan, menasihati

Pelbagai inisiatif BNM perkasa penggunaan bahasa Melayu

Sebagai bank pusat, Bank Negara Malaysia (BNM) turut berusaha memartabatkan bahasa kebangsaan dan meningkatkan kesedaran institusi kewangan di negara ini dalam menggunakan bahasa Melayu untuk operasi mereka yang dilaksanakan melalui penubuhan Sekretariat Gerakan Bahasa Kebangsaan Sektor Kewangan (Sekretariat) bertempat di Jabatan Komunikasi Strategik, BNM.

Fungsi Sekretariat adalah meningkatkan nilai ekonomi serta kualiti bahasa kebangsaan dalam sektor kewangan supaya penggunaannya lebih meluas dan berkesan serta mewakili Gabenor BNM dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksanaan Bahasa Kebangsaan yang dipengerusikan Timbalan Perdana Menteri.

Selain BNM dan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Ahli Jawatankuasa Sekretariat dianggotai Asian Institute of Chartered Bankers (AICB), Institut Insurans Malaysia (MII), Persatuan Bank-Bank Dalam Malaysia (ABM), Persatuan Institusi Perbankan Islam Malaysia (AIBIM), Persatuan Insurans Hayat Malaysia (LIAM), Persatuan Insurans Am Malaysia (PIAM) serta Institut Perbankan dan Kewangan Islam Malaysia (IBFIM).

Untuk itu, pelbagai aktiviti kebahasaan diadakan antaranya menghendaki institusi kewangan (bank perdagangan, bank Islam, institusi kewangan pembangunan (IKP) serta syarikat insurans dan takaful) melantik Pegawai Penyelaras (PP) di institusi masing-masing.

Tiga modul tingkat kefahaman

PP menjadi saluran hubungan utama Sekretariat bagi menyalurkan dan menghebahkan pelbagai aktiviti kebahasaan

Anjur pelbagai aktiviti

Selaras matlamat mengembang dan memantapkan penggunaan bahasa kebangsaan dalam sektor perkhidmatan kewangan, antara sektor yang menjadi sasaran Gerakan Bahasa Kebangsaan Sektor Swasta, Daftar Istilah Industri Perkhidmatan Kewangan (BI-BM) diterbitkan usaha sama BNM dengan DBP serta beberapa pihak berkaitan termasuk Suruhanjaya Sekuriti, pakar bidang, pengamal dan wakil industri serta ahli akademik.

Daftar ini diterbitkan pada tahun 2001 dan usaha mengemaskininya dalam perancangan BNM dan DBP.

Daftar Istilah Perbankan Islam (Bahasa Arab-Bahasa Melayu) turut diterbitkan oleh DBP pada tahun 2011 yang berupa sampel permulaan istilah bahasa Arab (252 istilah) dan padanannya dalam bahasa Melayu (279 istilah) hasil usaha sama BNM dengan DBP, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Institusi Perbankan dan Kewangan Malaysia (IBFIM).

Sementara itu, bersempena Bulan Bahasa Kebangsaan, BNM menganjurkan pelbagai aktiviti kebahasaan untuk warga kerjanya, antaranya Pertandingan Mengarang Esei Pendek, Teka Silang Kata, Kuiz Bahasa, Bengkel Pidato dan Pertandingan Pidato. Majlis penutup acara ini dikenali sebagai Majlis Petang Budaya yang biasanya diadakan pada akhir tahun.

Sumbangan BNM dalam memartabatkan bahasa Melayu di sektor kewangan mendapat pengiktirafan DBP apabila menerima Anugerah Citra Sahabat DBP pada tahun 2013 bagi kategori sektor awam.

Inggeris tak betul, begitu juga bahasa Melayu. Kita kata kenapa tak letak Bangsar Selatan di atas dan Bangsar South di bawah. Kita kompromi bukan buang terus bahasa Inggeris. Ini yang kadang-kadang orang tak faham. Apa pun bahasa Melayu perlu didaulatkan.

“mengingat, meniadakan dan memujuk”

INFO

PELAKSANAAN AUDIT BAHASA MELAYU 2013

- Jabatan Perkhidmatan Awam
- Kementerian Pendidikan
- Kementerian Kewangan
- Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

2014

- Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan
- Kementerian Belia dan Sukan
- Kementerian Kerja Raya
- Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi
- Jabatan Kerajaan Negeri Selangor
- Jabatan Kerajaan Negeri Perak
- Jabatan Kerajaan Negeri Perlis
- Jabatan Kerajaan Negeri Kelantan
- Jabatan Kerajaan Negeri Terengganu
- Jabatan Kerajaan Negeri Pulau Pinang
- Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia

2015 (SEHINGGA MEI)

- Kementerian Sumber Manusia
- Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan
- Jabatan Kerajaan Negeri Sabah
- Kementerian Komunikasi dan Multimedia

AUDIT BAHASA MELAYU DI SYARIKAT BERKAITAN KERAJAAN (GLC)

(BERMULA OGOS 2015)

- Lembaga Tabung Angkatan Tentera
- Kumpulan Wang Simpanan Pekerja

... dan sebagainya. Pihak-pihak yang berkaitan akan meningkatkan maklumat berkaitan aktiviti kebahasaan anjuran BNM, DBP dan agensi kerajaan lain, termasuk Kementerian Kewangan yang bertujuan meningkatkan penggunaan dan kualiti penggunaan bahasa kebangsaan di sektor kewangan. Pecahan PP mengikut institusi adalah, bank perdagangan (27), bank Islam (19), institusi kewangan pembangunan (6), syarikat insurans (40) dan pengendali Takaful (15).

Mesyuarat pertama BNM dengan PP diadakan pada 14 April lalu yang mana semua PP diberi penerangan mengenai fungsi mereka dan Sekretariat, yang antara lain untuk meningkatkan penggunaan bahasa kebangsaan dalam sektor kewangan. Senarai aktiviti kebahasaan bagi tahun 2015 anjuran BNM, DBP dan AICB/MII juga dimaklumkan kepada semua PP.

Selain itu, Sekreteriat menganjurkan Kursus Bahasa Melayu Berakreditasi Sektor Kewangan (KBM) khusus untuk warga institusi kewangan. KBM mengandungi tiga modul bahasa Melayu dalam Komunikasi Lisan, bahasa Melayu dalam Penulisan Rasmi dan Pengenalan kepada Penjerjemahan) bertujuan melatih peserta meningkatkan kefahaman terhadap penggunaan bahasa Melayu yang betul dan baku. KBM yang merupakan kursus berbayar dikendalikan AICB dan dibimbing pakar bahasa Melayu (Munsi Dewan) dan sehingga kini KBM sudah melatih lebih 600 peserta.

BNM turut menganjurkan bengkel pidato yang diperkenalkan pada tahun 2013 bertujuan melatih warga sektor kewangan dalam bidang pengucapan awam yang dikendalikan pakar bahasa DBP dan pakar pidato daripada MADUM (Majlis Debat Universiti-universiti Malaysia). Sepas tiga tahun penganjurannya, bengkel ini sudah melatih kira-kira 150 peserta.

Selaras itu, pertandingan Pidato Antara Institusi Kewangan Piala Gabenor BNM turut dianjurkan dengan kerjasama DBP sejak tahun 2009. Tahun 2015 adalah tahun keenam pertandingan ini dianjurkan yang menyaksikan 74 peserta bertanding. Hadiah ditaja BNM manakala DBP menyumbangkan buku terbitannya. Peringkat akhir menyaksikan 12 peserta bertanding.